

Syarikat Prasarana Negara Berhad ("Prasarana") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudahkan, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya adalah pemilik asset dan pengendali kepada beberapa perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Kelang antaranya LRT Laluan Ampang, Laluan Kelana Jaya, Sistem KL Monorel, rangkaian bas di Lembah Kelang dan Pulau Pinang dan juga perkhidmatan kereta kabel Langkawi.

Kerajaan telah melantik Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd ("MRT Co") sebagai Pemilik MRT dan MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd sebagai 'Project Delivery Partner' ("PDP") yang bertanggungjawab melaksana dan menyiapkan sistem MRT yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG: JAJARAN SUNGAI BULOH – KAJANG." MRT Co adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudahkan, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Pemilik MRT bagi Projek Klang Valley Mass Rapid Transit (KVMRT), akan melibatkan pembinaan rangkaian laluan keretapi yang menjadi tulang belakang kepada sistem perkhidmatan awam di Lembah Klang. Projek KVMRT adalah untuk memenuhi keperluan Rakyat yang sewajar untuk perhubungan, mampu menyumbang kearah menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar bertaraf dunia, penyumbang kearah pembangunan dan penambahan produktiviti.

Penender-penender yang berminat untuk membuat tawaran kerja bagi Sistem (seperti tersenarai di bawah) perlu menyerahkan Dokumen Tender yang telah dilengkapkan sepenuhnya.

## KENYATAAN TENDER

No.Tender	Tajuk Tender	Kriteria Mandatori	Tempat & Tarikh Mula Penjualan Dokumen Tender	Harga Senaskah Dokumen Tender, Borang Pembayaran & Pembayaran Kepada	Tempat Serahan & Tarikh Tutup Tender
PRASARANA /PMD/KVMRT/E/210/330 /2011	'SUPPLY, CUSTOMIZE, TESTING, DEPLOYING, HOSTING, COMMISSIONING AND TRAINING OF E-BIDDING SYSTEM FOR PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG : JAJARAN SUNGAI BULOH – KAJANG'	Penender hendaklah mempunyai "Readymade web based e-Procurement, e-Supplier Management System and Hosting Services"	Jabatan Pengurusan Perolehan MRT  Syarikat Prasarana Negara Berhad B-20-1, Level 20, Menara UOA Bangsar, No.5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur.  23 September 2011  sehingga  29 September 2011  9.00 pagi hingga 5.00 petang (Semasa waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat KECUALI hari Sabtu, Ahad atau Cuti Umum)	RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja)  (tidak dipulangkan) Dalam bentuk Postal Order atau Bank Draft / Banker's Cheque  <u>Pembayaran kepada</u>  Syarikat Prasarana Negara Berhad	Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd Tingkat 12, Bangunan Setia 1, 15 Lorong Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  Pada  6 Oktober 2011  sebelum  12.00 tghari

**\*Nota: Dalam tempoh peralihan sekarang, semua urusan memanggil tender akan diuruskan oleh Prasarana**

1. Penender yang mempunyai pengalaman di dalam bidang berkaitan adalah di jemput untuk membuat tawaran.
2. Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pemohon adalah dinasihatkan untuk meneliti Dokumen Meja Tender sebelum membuat pembelian.
3. Dokumen Tender hanya dijual kepada wakil para pemohon yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil Penender dihendaki membawa **Surat Pengesahan** bagi proses pembelian Dokumen Tender.
4. Kesemua Penender hendaklah mengikut serta mematuhi kehendak, keperluan dan peraturan, terhadap sebarang perubahan atau *re-enactment* yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.
5. **MRT Co** adalah tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran lain yang berkaitan dan juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos atau kerugian yang ditanggung oleh Penender atas sebarang sebab, terhadap pengendalian atau pun keputusan bagi tender ini. Semua urusan berkaitan persediaan dan penyerahan Tender hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar ke alamat yang tersebut di atas.
6. **Sebarang pertanyaan mengenai tender di atas boleh diajukan kepada Jabatan Pengurusan Perolehan MRT, Prasarana di talian 03-2299 1999 sambungan 1417 atau email kepada [kvmrt-procurement@prasarana.com.my](mailto:kvmrt-procurement@prasarana.com.my).**